



**HANISAH**  
BINTI BON @ KASBON

## BIODATA

*Hanisah bt Bon (Kasbon) dilahirkan di Batu Pahat, Johor. Beliau menerima pendidikan peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Gunaan (Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional) di Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor. Seterusnya beliau melanjutkan pengajiannya di universiti yang sama bagi Ijazah Sarjana dalam bidang Pendidikan pada tahun 2012. Sekarang beliau merupakan seorang guru bahasa di Jabatan Bahasa Inggeris, Pusat Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang (UMP). Beliau aktif terlibat dengan program yang melibatkan pelajar dan masyarakat di dalam dan luar UMP.*

## GIRANG

### PENULIS: HANISAH BT BON (KASBON)

Lari-lari bersama  
 Berkejaran keriang  
 Berhandai-berhandai bercahaya  
 Jatuh luka tidak tergalas  
 Jatuh bangun terus ligat

Sukacita hati tidak tersembunyi  
 Serempak teman baru beriringan  
 Langit redup tiada suram kelam  
 Hati girang suasana tenang

Sampai masa mudik ke pondok  
 Hati girang dibawa pulang  
 Lusa tulat cetak kembali  
 Sulit tiada, girang bersahaja



**SHAMSUL**  
BIN HARBI

## BIODATA

*Shamsul bin Harbi dilahirkan di Tawau, Sabah dan menerima pendidikan awal di daerah kelahirannya. Beliau melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan (TESL) di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. Sejurus menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda, beliau mendapat tawaran sebagai Pensyarah Muda di Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang dan sempat berkhidmat selama lima tahun. Sekarang beliau merupakan seorang guru bahasa di Jabatan Bahasa Inggeris, Universiti Malaysia Pahang. Bidang kepakaran beliau ialah ESL dan sosiolinguistik. Beliau juga banyak terlibat dengan aktiviti translasi dan suntingan serta kesukarelaan yang melibatkan pelajar dalam dan luar UMP.*

## ILUSI AMBISI

### PENULIS: SHAMSUL HARBI

Jiwa korupsi mengejar ambisi  
Mencanang visi sebuah ilusi  
Mimpi-mimpi indah sang nakhoda  
Yang jelas buta segala noda

Dipersetan segala baluk yang merintang  
Ceruncup beling semua diterjang  
Asalkan saja terang jalan kelam  
Kehendak haloba dituntas seisi alam

Gelora lautan membadai biduk  
Merobek layar masih enggan tunduk  
Masih dicanang visi penuh ilusi  
Mengejar ambisi jiwa korupsi.



**JAMILAH BEBE**  
BINTI MOHAMAD

## BIODATA

*Jamilah Bebe Mohamad dilahirkan di Sungai Petani, Kedah. Beliau menerima pendidikan peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Seterusnya beliau melanjutkan pengajiannya di Universiti yang sama bagi Ijazah Sarjana beliau dalam bidang yang sama pada tahun 2012. Sekarang beliau merupakan seorang guru bahasa di Jabatan Bahasa Asing, Universiti Malaysia Pahang. Bidang kepakaran beliau ialah linguistik bahasa Melayu, Sociolinguistik dan Wacana. Selain itu, beliau juga merupakan tenaga pengajar di Jabatan Kemahiran Insaniah, Universiti Malaysia Pahang. Beliau juga aktif terlibat dengan program yang melibatkan pelajar dari pelbagai negara khususnya yang ingin mempelajari dan mendalami bahasa dan budaya Melayu di Malaysia.*

## JALAN KE SANA

**PENULIS: JAMILAH BEBE BINTI MOHAMAD**

Jalan itu pilihan  
Masih redup seperti selalu  
Kanan kiri melambai-lambai pepohon  
Meluncur motokar di kedua dua arah  
Ada tanggungjawab menanti di destinasi  
Setiap inci laluan itu bagaikan acuan  
Perbezaan perubahan secebis  
Akan terkesan tanpa diminta  
Begitula rutin saban harian  
Ulang buat ulang lagi dan ulang  
Betulkan niat semoga peroleh keberkatan  
Kerja buat dunia bekalan akhirat



## BIODATA

Nur syafawati Sabuan dilahirkan di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Beliau menerima pendidikan di peringkat diploma dalam bidang Komunikasi Industri di Kolej Profesional MARA, Kuantan. Seterusnya beliau melanjutkan pengajiannya di Universiti Industri Selangor bagi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua dengan Kepujian pada tahun 2005. Sekarang beliau merupakan seorang guru bahasa kanan di Jabatan Bahasa Inggeris, Pusat Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang (UMP). Beliau aktif terlibat dengan program yang melibatkan pelajar dan masyarakat di dalam dan luar UMP.

**NUR SYAFAWATI**  
BINTI SABUAN



## KETIKA INI

### PENULIS: NURSYAFAWATI SABUAN

Hari itu berlalu dengan potensi  
Mulai hari ini dengan strategi  
Unsur ikhlas dan emosi  
Sentiasa menjadi panduan  
Dalam menjalankan tugas  
Hiasi diri dengan peribadi  
Rintangan yang dikenalpasti  
Ditangani dengan berhati-hati  
Raikan sokongan sekeliling  
Agar mereka sentiasa dirahmati  
Pengakhiran sesuatu pasti terjadi  
Kejayaan pasti mengiringi  
Beserta intervensi yang Abadi



اوتنورسیتی ملیسیا فهیج السلطان عبدالله  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH



#### — Contact

Centre for Modern Languages  
Universiti Malaysia Pahang  
Al-Sultan Abdullah  
26000 Pekan Pahang

+09-431 5036

pbm@umpsa.edu.my

#### — Quick Link

[Downloads](#)

[UMPSA Library Ezproxy](#)

[UMPSA Library e-find](#)

[UMPSA News](#)

#### Legal

[Privacy Policy](#)

[ICT Security Policy](#)

[Disclaimer](#)